

## **Kemahiran Kreativiti dan Estetika dalam Pembangunan Kreativiti Kanak-kanak Prasekolah**

Nur Akalili Husain<sup>1</sup> Nur Shahira Abdul Rashid<sup>2</sup> Nurulhafizah Hamzah<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

<sup>3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology, Jalan Genting Kelang, Setapak, 53300 Kuala Lumpur, Malaysia

\*E-mail Penulis Penghubung : [lilyhusain21@gmail.com](mailto:lilyhusain21@gmail.com)

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan meneliti hubungan antara kemahiran kreativiti dan estetika dengan pembangunan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Secara khusus, kajian ini menilai tahap kemahiran guru dalam aspek kreativiti dan estetika serta tahap pembangunan kreativiti kanak-kanak, selain meneliti sejauh mana kedua-dua elemen tersebut saling mempengaruhi. Menggunakan pendekatan kuantitatif melalui tinjauan ke atas 44 guru prasekolah, data dikumpul menggunakan soal selidik yang telah disahkan kesahan dan kebolehpercayaannya. Analisis deskriptif dan inferensi menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kemahiran kreativiti dan estetika dengan pembangunan kreativiti kanak-kanak ( $r = 0.642$ ,  $p < 0.05$ ) iaitu pada tahap sederhana. Dapatan kajian mencadangkan pengukuhan amalan pengajaran berasaskan kreativiti dan estetika bagi merangsang imaginasi, ekspresi diri, dan pemikiran kritis murid, sekaligus menyokong usaha peningkatan pembangunan kreativiti dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

**Kata kunci** : Kreativiti, Estetika, Kanak-Kanak Prasekolah

### **Abstract**

*This study investigates the relationship between creativity and aesthetic skills and the development of creativity in preschool children. It aims to assess the level of teachers' creativity and aesthetic skills, the level of children's creativity development, and the extent to which these elements influence each other. A quantitative survey was conducted among 44 preschool teachers using a validated and reliable questionnaire. Descriptive and inferential analyses revealed a significant positive relationship between creativity and aesthetic skills and children's creativity development ( $r = 0.642$ ,  $p < 0.05$ ). The findings highlight the importance of enhancing creativity- and aesthetic-based teaching practices to stimulate imagination, self-expression, and critical thinking, thereby fostering creativity development in early childhood education.*

**Keywords:** Creativity, Aesthetics, Preschool Children


## 1. Pendahuluan

Kreativiti ditakrifkan sebagai keupayaan menghasilkan idea baharu, menyelesaikan masalah secara inovatif, dan mengekspresikan diri secara unik. Estetika pula melibatkan kepekaan terhadap keindahan seni, muzik, pergerakan, dan persekitaran pembelajaran (Eisner, 2002). Kedua-dua elemen ini amat penting dalam pendidikan awal kanak-kanak kerana ia menyumbang kepada perkembangan menyeluruh merangkumi aspek kognitif, emosi, sosial, dan rohani (Hashim & Jalil, 2020; Wong & Ahmad, 2022).

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) meletakkan kreativiti dan estetika sebagai salah satu tunjang utama pembelajaran melalui aktiviti seni visual, muzik, drama, dan permainan imaginatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Walau bagaimanapun, pelaksanaan di prasekolah berhadapan cabaran seperti kekangan masa, kekurangan bahan, kurangnya latihan guru dalam bidang seni, serta tekanan akademik (Ismail et al., 2019; Hamzah, 2023).

Kajian lepas menunjukkan aktiviti seni visual dapat mengembangkan imaginasi dan kreativiti (Shaari & Ahmad, 2020), muzik meningkatkan tumpuan serta kemahiran sosial (Noraini et al., 2019), manakala drama membantu membina empati dan komunikasi (Wong & Hamid, 2021). Persekitaran bilik darjah yang kaya dengan elemen estetika juga meningkatkan penglibatan murid (Mansor & Jamaludin, 2022). Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk menilai tahap sebenar amalan kreativiti dan estetika serta kesannya terhadap kreativiti murid.

Berikut merupakan tujuan kajian iai tu bagi menganalisis hubungan antara kemahiran kreativiti dan estetika dengan pembangunan kreativiti kanak-kanak. Manakala persoalan kajian menfokuskan kepada adakah terdapat hubungan signifikan antara kemahiran kreativiti dan estetika dengan pembangunan kreativiti kanak-kanak? Hipotesis kajian ini turut menjangkakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran kreativiti dan estetika dan pembangunan kreativiti kanak-kanak prasekolah.



Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kemahiran Kreativiti Dan Estetika Dalam Pembangunan Kreativiti Kanak-Kanak Prasekolah

## 2. Metode

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan kuantitatif kerana sesuai untuk mengukur tahap pemboleh ubah serta hubungan di antara kemahiran kreativiti dan estetika dengan pembangunan kreativiti kanak-kanak prasekolah. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data secara sistematik melalui soal selidik dan dianalisis menggunakan kaedah statistik.

Populasi kajian terdiri daripada guru prasekolah di negeri Kelantan. Berdasarkan populasi, seramai 44 orang guru prasekolah telah dipilih sebagai sampel kajian menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Jumlah sampel ini merujuk kepada cadangan Krejcie dan Morgan (1970) yang sesuai digunakan untuk menentukan saiz sampel bagi kajian berbentuk tinjauan.

Instrumen kajian ini ialah soal selidik berstruktur yang dibina berdasarkan Tunjang Kreativiti dan Estetika dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah disemak. Kesahan pakar dan telah dirintis sebelum kajian sebenar dijalankan. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu Demografi, Kemahiran Kreativiti dan Estetika dan Pembangunan Kreativiti Kanak-Kanak. Setiap item diukur menggunakan Skala Likert lima mata (1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju).

Bagi menentukan kesahan kandungan, soal selidik disemak oleh dua orang pakar dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Beberapa penambahbaikan dari segi bahasa dan kesesuaian item dibuat sebelum soal selidik akhir diedarkan. Ujian kebolehpercayaan pula dilaksanakan melalui kajian rintis melibatkan 15 orang guru prasekolah, dengan pekali Cronbach's Alpha melebihi 0.70 yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang memuaskan.

Soal selidik diedarkan secara dalam talian menggunakan *Google Form* kepada guru-guru prasekolah yang dipilih sebagai responden. Sebelum menjawab, responden diberi penerangan ringkas mengenai tujuan kajian, jaminan kerahsiaan, dan persetujuan penyertaan. Tempoh masa yang diberikan ialah lima hari, dan hanya borang yang lengkap sahaja digunakan untuk analisis. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27. Analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan bagi tahap kemahiran kreativiti dan estetika serta tahap pembangunan kreativiti kanak-kanak. Seterusnya, analisis inferensi menggunakan ujian korelasi Pearson dijalankan untuk menentukan hubungan antara kemahiran kreativiti dan estetika dengan pembangunan kreativiti kanak-kanak. Nilai keertian ditetapkan pada aras signifikan  $p < 0.05$ .

## 3. Hasil dan Pembahasan

Analisis deskriptif menunjukkan tahap kemahiran kreativiti dan estetika berada pada tahap sederhana dengan min keseluruhan 3.03. Tahap pembangunan kreativiti kanak-kanak prasekolah juga berada pada tahap sederhana.

Jadual 1. Min dan Sisihan Piawai bagi Kemahiran Kreativiti dan Estetika serta Pembangunan Kreativiti Kanak-Kanak

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kemahiran Kreativiti dan Estetika	3.03	0.52	Sederhana
Pembangunan Kreativiti	3.15	0.49	Sederhana

Analisis inferensi menggunakan ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kemahiran kreativiti dan estetika dengan pembangunan kreativiti kanak-kanak ( $r = 0.642$ ,  $p < 0.05$ ).

Jadual 2. Korelasi antara Kemahiran Kreativiti dan Estetika dengan Pembangunan Kreativiti Kanak-Kanak

Pemboleh Ubah	R	Sig. (p)	Hubungan
Kreativiti & Estetika Pembangunan Kreativiti	0.642	0.000	Positif, Signifikan

Keputusan ini membuktikan bahawa semakin tinggi tahap kemahiran kreativiti dan estetika, semakin tinggi tahap kreativiti kanak-kanak prasekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran kreativiti dan estetika berada pada tahap sederhana. Keputusan ini sejajar dengan kajian Ismail et al. (2019) yang mendapati pelaksanaan elemen estetika di prasekolah sering berdepan cabaran seperti kekangan masa dan kekurangan bahan bantu mengajar. Walaupun guru berusaha mengintegrasikan elemen kreatif, tahap pelaksanaannya masih belum optimum.

Tahap pembangunan kreativiti kanak-kanak prasekolah juga didapati sederhana. Dapatan ini menyokong pandangan Hashim dan Jalil (2020) bahawa kreativiti kanak-kanak berkembang secara berperingkat dan sangat dipengaruhi oleh persekitaran pembelajaran. Persekitaran yang kurang merangsang imaginasi dan ekspresi diri akan membataskan potensi kanak-kanak untuk berfikir secara kreatif.

Ujian korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kemahiran kreativiti dan estetika dengan pembangunan kreativiti kanak-kanak prasekolah. Penemuan ini membuktikan bahawa semakin tinggi amalan kreativiti dan estetika diaplikasikan, semakin tinggi tahap kreativiti yang ditunjukkan oleh murid. Dapatan ini sejajar dengan teori konstruktivisme Vygotsky (1978) yang menekankan peranan aktiviti sosial dan pengalaman estetik dalam mengembangkan kreativiti kanak-kanak.

Selain itu, dapatan ini turut selaras dengan kajian Shaari dan Ahmad (2020) yang mendapati aktiviti seni visual berupaya merangsang imaginasi kanak-kanak, serta kajian Noraini et al. (2019) yang menegaskan muzik dapat meningkatkan kemahiran kognitif dan sosial. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti kreatif dan estetik bukan sahaja memperkayakan

pengalaman pembelajaran, tetapi turut menyumbang kepada perkembangan emosi dan sosial murid.

Namun, pencapaian sederhana dalam kajian ini juga menunjukkan masih terdapat ruang penambahbaikan. Guru prasekolah memerlukan latihan profesional yang lebih mendalam dalam aspek pedagogi seni dan estetika, serta sokongan bahan bantu mengajar yang sesuai. Persekitaran bilik darjah yang kaya dengan elemen estetik juga penting untuk memastikan kreativiti kanak-kanak dapat berkembang secara optimum (Mansor & Jamaludin, 2022).

Secara keseluruhannya, analisis ini mengesahkan bahawa kreativiti dan estetika memainkan peranan penting dalam pembangunan kreativiti kanak-kanak prasekolah. Implikasi daripada dapatan ini ialah guru dan pembuat dasar perlu bekerjasama bagi memastikan elemen ini diberikan penekanan yang sewajarnya dalam pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

#### **4. Simpulan**

Kajian ini mendapati bahawa tahap kemahiran kreativiti dan estetika serta pembangunan kreativiti kanak-kanak prasekolah berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, analisis inferensi menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah. Hal ini membuktikan bahawa semakin tinggi tahap kreativiti dan estetika diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran, semakin tinggi tahap kreativiti kanak-kanak yang dapat dicapai.

Dapatan kajian ini memberi implikasi penting kepada pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Guru prasekolah disarankan untuk memperkukuh amalan pengajaran yang berasaskan kreativiti dan estetika bagi merangsang imaginasi, ekspresi diri, dan pemikiran kritis murid. Di samping itu, pihak pentadbir sekolah dan pembuat dasar perlu menyediakan sokongan dari segi latihan profesional, bahan bantu mengajar, serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kaya dengan elemen estetik.

Kajian ini juga mencadangkan agar penyelidikan lanjutan dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif seperti pemerhatian atau temu bual mendalam bagi memahami strategi pengajaran kreatif secara lebih terperinci. Dengan usaha yang berterusan, potensi kreativiti kanak-kanak prasekolah dapat dipupuk secara optimum, selaras dengan matlamat pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

#### **Daftar Pustaka**

- Aziz, N. A., & Razali, N. (2020). Pengaruh kreativiti guru terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*
- Hamid, M. R. A., Yusof, R., & Halim, N. D. A. (2021). Pengajaran kreatif guru prasekolah dan hubungannya dengan penglibatan murid dalam bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Malaysia*, 10(2), 45–59.
- Hamzah, M. I. (2023). Persekitaran pembelajaran kreatif dalam kalangan guru prasekolah: Isu dan cabaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 18(1), 67–78.

- Ibrahim, N. H., & Ismail, Z. (2020). Penerapan nilai estetika dalam pendidikan awal kanak-kanak. *Malaysian Journal of Early Childhood Education*, 9(2), 21–35.
- Ishak, N. M., & Ghani, M. F. A. (2019). Pembangunan potensi kreativiti melalui permainan imaginatif dalam pendidikan awal kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 12(1), 58–70.
- Jasni, Z., Rahim, S. A., & Mokhtar, N. (2023). Estetika dalam pendidikan awal kanak-kanak: Satu tinjauan praktikal. *Malaysian Journal of Early Childhood Education*, 11(2), 88–103.
- Khoo, H. E. (2003). Constructivist teaching in higher education: Considerations for teachers and students. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 11(2), 67–77.
- Kerlinger, F. N., & Lee, H. B. (2001). *Foundations of behavioral research* (4th ed.). Harcourt College Publishers.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Bahagian Pembangunan Kurikulum*.
- Neuman, W. L. (2012). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches* (7th ed.). Pearson.
- Parsons, M. J. (1987). *How we understand art: A cognitive developmental account of aesthetic experience*. Cambridge University Press.
- Rashid, N. R. N. A., & Ahmad, R. (2021). Pendekatan pembelajaran berasaskan seni dalam membina kreativiti kanak-kanak. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 10(3), 42–55.
- World Health Organization. (2019). *Guidelines on physical activity, sedentary behavior and sleep for children under 5 years of age*. WHO Press. <https://www.who.int/publications/i/item/9789241550536>
- Zulkifli, S. N., & Halim, N. A. (2022). Tahap penerapan kreativiti dalam kalangan guru prasekolah: Kajian kes di sekolah kerajaan dan swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1), 23–35.